

01 JAN 2002

Mahathir-Israel

PENYELESAIAN ISU ASIA BARAT BERGANTUNG KEPADA KUASA-KUASA BESAR

Oleh S.Retnanathan

KUALA LUMPUR, 1 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penyelesaian masalah Palestin-Israel bergantung kepada kuasa-kuasa besar dunia.

"Selagi kuasa-kuasa besar memberi muka kepada Israel, maka tidak akan ada penyelesaian," katanya dalam program "Wawancara BERNAMA dengan Perdana Menteri" yang disiarkan RTM dan Astro malam ini.

Katanya beliau telah mengikuti masalah Palestin dan Israel sejak penubuhan negara Yahudi itu dengan kuasa-kuasa besar telah mengambil tanah daripada orang Arab Palestin dan memberikannya kepada orang Israel.

"Mereka (kuasa-kuasa besar) seolah-olah tidak sensitif kepada perasaan orang Islam. Mereka mengambil wilayah orang Islam dan memberi kepada orang lain kerana mereka berasa bersalah disebabkan mereka membunuh enam juta orang Yahudi semasa perang dulu...untuk melepaskan dosa mereka," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata walaupun orang Arab Palestin menerima dan mengiktiraf negara Israel, pihak Yahudi itu pula tidak mahu sekali-kali menerima Palestin sebagai sebuah negara merdeka.

"Ini menyebabkan permusuhan yang ketat antara orang Palestin yang disokong oleh orang Islam lain dan Israel yang disokong oleh kuasa-kuasa besar dan penyelesaian tidak akan dapat dicapai selagi wilayah Israel tidak ditentukan," katanya.

Dr Mahathir berkata sehingga hari ini perenggan sempadan Israel masih tidak ditentukan dan ini bermakna bahawa penyelesaian isu itu tidak boleh dicapai.

Mengenai keganasan Israel ke atas rakyat Palestin, beliau berkata selagi kuasa-kuasa besar tidak menghalang Perdana Menteri Israel Ariel Sharon, yang memang mempunyai rekod melakukan keganasan ke atas orang Islam, keganasan di Asia Barat akan berterusan.

"Dalam pada itu kita juga harus ingat bahawa serangan oleh Hamas tidak menolong orang Palestin. Ini adalah serangan buta tuli yang tidak memajukan sama sekali pencapaian matlamat Palestin. Hanya balas dendam, marah dan bertindak tanpa memikirkan akan hasilnya, akan kesannya," kata Dr Mahathir.

Bercakap mengenai Persidangan Antarabangsa mengenai Keganasan peringkat Asean yang akan diadakan di Malaysia tahun ini, Dr Mahathir berkata tujuan persidangan itu adalah untuk mengenal pasti siapa itu pengganas.

"Terdapat banyak lagi kumpulan pengganas termasuk kumpulan Yahudi yang juga ganas. Jadi kita kalau hendak lawan pengganas, kita lawan dengan pengganas, tapi kalau kita kata pengganas hanya orang Islam sahaja, saya fikir itu tidak adillah.

"Apakah orang Islam perlu menghadapi keganasan oleh orang lain tanpa bantuan sedangkan kita membantu kalau orang lain menghadapi pengganas?" kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

SR ES LAT